

Ketepikan 'peribadi tidak sesuai'

# Etika niaga amat penting

BM 17 NOV 1991

KUALALUMPUR: **Mat-a** harus menumpukan kepada pembentukan peribadi dan etika ahli perniagaan Bumiputera kerana perkara itu lebih penting daripada modal, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri **berkata**, beliau mendengar sendiri kenyataan beberapa peminjam Mara yang mempunyai peribadi tidak sesuai kononnya mereka tidak perlu membayar hutang kepada Mara kerana beranggapan ia milik mereka.

"Etika amat penting. Jika kita berhutang, kita harus membayarnya. Sekali kita berhutang dan kita tidak membayarnya, kita tidak dapat hutang lagi. Kita akan menghadapi masalah kerana tidak boleh lagi meneruskan perniagaan.

"Amat penting kita berpegang pada janji. Janji adalah ikrar dan kalau berhutang, itu adalah ikrar kita untuk membayar balik," katanya ketika melancarkan perayaan 25 tahun Mara di sini, semalam.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mencadangkan Mara menumpukan latihan mengenai etika perniagaan di institusi pelajaran yang dianjurkan oleh Mara dalam apa jua bidang.

Katanya, Mara harus memperuntukkan tempoh antara enam bulan hingga setahun kepada pelajar **untuk** mempelajari **etika** perniagaan.

Di samping mementingkan kepandaian

pelajar, kata Datuk Seri Dr Mahathir, mereka juga dikehendaki memahami etika perniagaan kerana pencapaian cemerlang bukanlah passport untuk meraih kejayaan dalam perniagaan.

Justeru itu, katanya, mereka yang mendapat kelulusan tinggi juga harus dinilai terlebih dahulu sikap dan penerimaan mereka mengenai nilai hidup yang sesuai dengan perniagaan.

"Kalau mereka berpendapat bahawa mereka tidak perlu patuh kepada etika kerja dan perniagaan, mereka boleh dianggap tidak sesuai dan tidak harus diberi latihan lagi, sebaliknya diberhentikan segera," katanya.

Beliau menegaskan, etika perniagaan amat penting kerana kebanyakan bukan Bumiputera yang meraih kejayaan dalam perniagaan bukan kerana mereka cemerlang dalam pelajaran tetapi mereka memahami etika perniagaan.

Datuk Seri Dr Mahathir juga meminta Mara yang mewakili kepentingan Bumiputera membandingkan pencapaiannya dengan kaum lain di negara ini.

Menurutnya, Mara lahir disebabkan oleh perbezaan pencapaian dalam ekonomi di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera.

"Disebabkan perbezaan inilah, kita wujudkan Rida (Pihak Berkuasa Pembangunan Luar Bandar dan Perusahaan) dan

Mara. Jika tidak ada perbezaan, kita tidak perlu mewujudkan Rida dan Mara.

"Apabila adanya perbezaan itu bermakna ada kekuatan dan kelemahan yang tidak sama antara satu pihak dengan pihak yang lain," katanya.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Mara harus menerima hakikat bahawa ia kurang berjaya dibandingkan dengan kekuatan pihak lain dan kelemahan itu hendaklah dikenal pasti.

Sementara itu, Menteri Perusahaan Awam, Datuk Dr Yusof Nor berkata, kuantiti Mara akan digembleng sepenuhnya bagi melahirkan usahawan Bumiputera yang beretika dan berwibawa.

Pusat itu yang ditubuhkan tahun ini dan diletakkan di bawah Yayasan Pelajaran Mara (YPM), akan berfungsi melatih usahawan serta mereka yang berminat menceburi bidang perniagaan.

Pengerusi Mara, Encik Tamrin Ghafar pula berkata, Mara perlu mengurangkan halangan birokrasi tanpa melanggar hukum dan peraturan bagi mencapai matlamat memajukan golongan Bumiputera.

Sehubungan itu, katanya, sokongan daripada kerajaan, perbadanan dan agensinya serta Bumiputera yang sudah berjaya adalah perlu bagi membantu Bumiputera yang masih ketinggalan dalam pelbagai bidang.